



KUKUM FC DI KEJOHANAN BOLA SEPAK LIGA BUMITA PERLIS

KUKUM FT telah menyertai Kejohanan Bola Sepak Liga BUMITA, Perlis yang akan berlangsung dari bulan Februari 04 hingga September 04. Kejohanan ini merupakan acara bolasepak tahunan di negeri Perlis. Kejohanan ini menarik lebih daripada 20 pasukan seluruh Perlis. Antara pasukan yang menyertai kejohanan ini ialah, pasukan BUMITA FC, JPS Negeri Perlis, KASTAM FC, LKIM FC, EON FC, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri - SUK FC, Polis FC, Askar 504 FC dan banyak lagi termasuk KUKUM FT. KUKUM FT yang diketuai oleh En. Mohd Nazri selaku pengurus pasukan dan dikendalikan oleh En. Kamal Idris Ali. Setelah melalui beberapa perlawanan KUKUM FT berada antara 5 teratas setelah menang ke atas KASTAM FC 4-0 dan BUMITA FC 8-1, seri 1-1 dengan Polis FC serta kalah 0-1 kepada LKIM FC. KUKUM FT akan meneruskan usaha dalam mencapai sasaran untuk menjuarai kejohanan tersebut. Walaupun baru ditubuhkan setahun setengah, KUKUM FT mampu bersaing dengan pasukan lain dengan sokongan Rektor KUKUM iaitu Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin sendiri yang sentiasa turun ke padang untuk memberi sokongan moral kepada pemain. Diharap KUKUM FT akan terus berusaha dalam mencapai tahap yang lebih tinggi.

